

Ikan kembung kurang punca bekalan merosot

UM 28/06/23 MIS 30

GEORGE TOWN: Sikap segelintir nelayan menangkap anak-anak ikan di perairan selatan Pulau Pinang didakwa antara faktor mengapa bekalan ikan kembung berkurangan di negeri ini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan, Arshad Omar berkata, ketika ini sepatutnya musim tangkapan ikan kembung di perairan selatan, namun ikan berkenaan berkurangan kerana anak-anak

ikan habis ditangkap.

“Anak-anak ikan kembung yang belum matang telah ditangkap bertan-tan sebelum ini oleh nelayan yang tidak bertanggungjawab.

“Sepatutnya sekarang memang musim ikan kembung, namun anak-anak ikan tidak sempat matang kerana ditangkap dan akibatnya ketika ini menjadi punca bekalan ikan kembung kurang dan mahal di pasaran,” katanya kepada *Utusan Malay-*

sia di sini semalam.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan bekalan ikan rakyat atau ikan kembung di negeri ini melonjak kepada RM14 sekilogram berbanding RM12 sekilogram sebelum ini.

Menurutnya, anak-anak ikan kembung yang belum matang tidak sepatutnya ditangkap kerana saiznya yang kecil dan tidak sesuai untuk dimakan.

“Nelayan yang menangkap ikan kecil ini akan menjual

dengan harga RM2 sekilogram untuk dijadikan makanan ikan yang dibela disangkar-sangkar ikan,” katanya.

Selain itu, kata Arshad, cuaca tidak menentu juga menjadi penyebab bekalan ikan kembung berkurangan.

“Cuaca hujan, ribut dan laut bergelora sejak akhir-akhir ini menyebabkan ramai nelayan tidak turun ke laut kerana tidak berani mengambil risiko berhubung keselamatan mereka,”

katanya.

Dalam pada itu, Ketua Unit Nelayan Teluk Kumbar, Rosli-zan Ramli berkata, bekalan ikan kembung juga amat berkurangan sekitar perairan Teluk Kumbar pada masa ini.

“Mungkin kerana faktor cuaca tidak menentu turut memberi kesan kepada pembiakan ikan di kawasan ini yang sebelum ini memang terkenal sebagai kawasan pembiakan ikan dan udang,” katanya.